

TARIKH : 20 JUN 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 21

### Bajet 2023 utama dana selenggara aset kerajaan

# Bajet 2023 utama dana selenggara aset kerajaan

Keputusan dicapai ketika Unit Perancang Ekonomi JPM bentang kertas Jemaah Menteri

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my


**Jeli:** Kerajaan akan beri keutamaan kepada peruntukan penyelenggaraan aset bagi semua kementerian dalam penyediaan Bajet 2023, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau menjelaskan, keutamaan belanjawan bagi penyelenggaraan aset kerajaan seperti peralatan, bangunan dan jalan raya itu diputuskan ketika Unit Perancang Ekonomi (UPE) JPM membentangkan kertas Jemaah Menteri.

"UPE bentang kertas Jemaah Menteri mengenai keperluan peruntukan lebih besar untuk tujuan penyelenggaraan aset kerajaan.

"Kerajaan pandang serius perkara ini dan Jemaah Menteri arah EPU serta Kementerian Keuangan beri keutamaan kepada peruntukan penyelenggaraan.

"Peruntukan bagi kementerian mempunyai prestasi perbelanjaan rendah dicadang diagih se-



Mustapa berbincang selepas meninjau Lebuhraya Timur-Barat, di Jeli, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

mula bagi menampung keperluan perbelanjaan penyelenggaraan kepada kementerian yang memerlukan.

"Budaya penyelenggaraan perlu dititik berat bagi pastikan aset dan kemudahan kerajaan sentiasa dalam keadaan baik," katanya selepas meninjau Lebuhraya Timur-Barat, di sini, semalam.

**BH** sebelum ini melaporkan, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar menggesa Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan lebih banyak kepada Johor berikutan setiap tahun hampir RM13 bilion hasil Persekutuan dikutip dari negeri itu.

Baginda bertitah, ia berikutkan beberapa tindakan Kerajaan Persekutuan yang dilihat seolah-olah menganaktirik Johor dalam beberapa keputusan dibuat.

Mengenai tinjauan di lebuh raya itu yang sering tular akibat jalan rosak, Mustapa berkata, sebanyak 24 lokasi di sepanjang 115 kilometer (km) laluan bagi jajaran di Kelantan perlu diselenggara membatikan kos keseluruhan RM19.8 juta.

Bagi jajaran Kelantan, katanya, sebanyak RM16.6 juta sudah dibelanjakan tahun lalu untuk kerja penyelenggaraan dan ta-

hun ini RM10.9 juta lagi diperuntukkan bagi penyelenggaraan di 11 lokasi.

"JKR Kelantan memaklumkan terdapat 13 lagi lokasi perlu diselenggara membatikan kos RM8.9 juta dan bajet belum diluluskan. Secara keseluruhan penyelenggaraan di sepanjang lebuh raya ini dilaksanakan secara berperingkat.

"Namun, peruntukan lebih besar diperlukan, terutama bagi jajaran di Perak. Lebuhraya Timur-Barat membatikan laluan sepanjang 313.7km bermula di Baling, Kedah hingga Pasir Putih, Kelantan," katanya.